

Selepas ulama lelaki gagal, 'Ulama Perempuan' harapan baru dunia Islam

Malaysian Insider

Feb 28, 2014

OLEH SHERIDAN MAHAVERA

Melawat dan mengenali pelacur mungkin bukan sebahagian latihan biasa yang diperlukan untuk menjadi seorang ulama.

Tetapi inilah yang dilakukan sekumpulan guru agama perempuan dalam satu program pengkaderan ulama unik di Indonesia.

Dalam program tersebut, pertama kali di dalam dunia Islam, para guru dilatih menjadi pakar dalam bidang yang selama ini didominasi kaum lelaki.

Melawat rumah pelacuran adalah antara pengalaman yang didokumentasi aktivis Norhayati Kaprawi di dalam filem "Ulama Perempuan".

Ia sebuah karya yang diharapkan dapat membuka minda masyarakat Islam di Malaysia serta minda 1.6 bilion orang Islam serata dunia.

Di negara ini dan kebanyakan negara yang menggelar diri mereka "Islam", diskriminasi terhadap wanita masih kerap berlaku dalam sistem perundangan Islam.

Contohnya, Mahkamah Syariah sesetengah negeri di Malaysia masih tidak menerima saksi wanita, dan keterangan mereka mempunyai nilai yang rendah berbanding keterangan lelaki.

Ia juga masih sukar bagi wanita memperoleh perceraian daripada suami yang ganas.

Apabila mereka berjaya bercerai pula, sukar mendapatkan kerjasama pihak berkuasa untuk menguatkuasakan perintah nafkah ke atas bekas suami.

Perkara ini selalunya berlaku kepada wanita kelas bawahan yang tidak mempunyai kesedaran terhadap undang-undang dan tidak mampu mengupah gaji peguam untuk membela mereka.

Norhayati berharap dapat membuka minda masyarakat Islam di Malaysia serta minda 1.6 bilion orang Islam serata dunia. - Gambar The Malaysian Insider. Di negara Timur Tengah – tempat lahirnya "Islam" – wanita masih tidak dibenarkan memandu kereta, keluar rumah tanpa diiringi lelaki dan mendapat hak bekerja.

Namun kelemahan tersebut berpunca daripada amalan dan undang-undang yang lahir daripada cara intepretasi teks Islam oleh para ulama lelaki yang konservatif.

Sejarah Islam kaya dengan personaliti ulama wanita seperti isteri Nabi Muhammad, Siti Aishah dan Rabi'atul Adawiyah.

“Sekiranya wanita boleh jadi ulama, mengapa mereka tidak layak menjadi saksi,” soal Norhayati.

Dan sekiranya mereka boleh menjadi ulama, mengapa mereka masih lagi mengalami diskriminasi?

MERAPATKAN JURANG REALITI DAN SEKOLAH AGAMA

“Ulama Perempuan” diterbitkan semasa Norhayati membuat kajian berkenaan Islam di Indonesia sebagai zambak program “Intelektual Awam Asia” yang didanai Yayasan Nippon dari Jepun.

Ia ditayangkan buat pertama kali di Festival Filem Kemanusiaan 2013 anjuran Pusat Komnas di Petaling Jaya pada 14 Disember lepas.

Subjek filem tersebut adalah peserta Pengkaderan Ulama Perempuan, sebuah program organisasi wanita di Indonesia bernama Rahima.

“Ibu nyai” daripada pesantren (sistem sekolah pondok) yang berpotensi tinggi di seluruh Indonesia dipilih menyertai pengkaderan tersebut.

“Ibu nyai” adalah ketua wanita sebuah pesantren, dan kebiasaannya adalah isteri kepada ketua pesantren yang dipanggil “kiyai”.

Mereka yang dipilih akan mengikuti sesi tadarus agama peringkat tinggi di dalam subjek seperti pengajian Al-Quran, fiqah dan undang-undang Syariah.

Program itu bertujuan memberi daya kepada mereka untuk menjadi ulama.

Program tersebut disokong oleh organisasi Islam terbesar Indonesia iaitu Nahdlatul Ulama (NU) yang mempunyai seramai 70 juta ahli dan sistem pesantren terbesar di Indonesia.

Berbanding Malaysia, Indonesia tidak mempunyai sistem pesantren yang diurus kerajaan.

Semua pesantren dan sekolah agama mereka diusahakan secara persendirian oleh persatuan seperti NU.

Ciri utama program pengkaderan ini adalah penekanan terhadap kesetaraan jantina (gender equality), sebuah konsep yang semakin diterima oleh kebanyakan pesantren.

Norhayati berkata istilah “gender” adalah sebuah perkataan yang dipandang negatif di kalangan orang Islam Malaysia yang melabelkannya sebagai konsep Barat.

Tetapi konsep tersebut disokong NU dan persatuan Islam kedua terbesar Indonesia, Muhammadiyah.

Di dalam filem itu, ulama Indonesia, Husein Muhammad menjelaskan bahawa ia bukan sebuah

konsep Barat tetapi selari dengan mesej ayat al-Quran yang menyatakan perempuan dan lelaki dijadikan daripada satu naf (roh).

Oleh itu, ilmu dan kekuatan daripada Allah boleh dikecapi wanita tanpa melalui seorang lelaki.

Ini sememangnya bertentangan dengan apa yang diajar ulama konservatif dan patriakal.

Antara latihan memupuk kepekaan terhadap isu gender, para kader dibawa berjumpa golongan yang memerlukan perlindungan seperti pelacur dan mangsa keganasan rumah tangga.

Tujuannya adalah untuk mereka memahami faktor ekonomi, sosial dan politik yang memaksa wanita menjadi pelacur dan menjadikan mereka mangsa keganasan.

“Ia juga supaya kader keluar daripada kepompong hidup di pesantren dan mengenali realiti kehidupan sebenar,” kata salah seorang “ibu nyai” yang turut serta di dalam program itu.

Ia bertujuan agar apabila kader menjadi ulama, mereka tidak duduk di dalam kepompong sendiri dan menggunakan teks agama menghukum mangsa eksploitasi, kata “ibu nyai” itu.

Malah antara adengan paling menyayat hati adalah di mana “ibu nyai” yang bertudung memeluk dan menenangkan hati pelacur yang mereka temui.

MEMUPUK PERSEFAHAMAN MELALUI KEPELBAGAIAN

Seperti kedua-dua filemnya sebelum ini iaitu “Mencari Kartika” dan “Aku Siapa”, Norhayati tidak hairan sekiranya “Ulama Perempuan” mencetuskan perbualan hangat di kalangan masyarakat Islam Malaysia.

Filem “Aku Siapa” yang menyoal hukum menutup aurat dan memakai hijab ditayangkan sebanyak 30 kali.

Majoriti tayangan itu adalah kepada pelajar Syariah yang suatu hari bakal menjadi ulama berpengaruh dalam masyarakat.

“Mereka berasa gembira kerana dapat belajar perspektif yang lain daripada filem itu,” kata Norhayati.

Harapannya ialah “Ulama Perempuan” dapat mendedahkan perspektif alternatif yang boleh mencerahkan pemikiran masyarakat Islam Malaysia.

Ini kerana kepelbagaian pandangan tentang Islam memantapkan pemikiran masyarakat Islam Indonesia supaya mereka dapat mengatasi cabaran kompleks yang menjadi lumrah kehidupan di dalam dunia yang majmuk.

Kepelbagaian pandangan inilah yang menjadikan kumpulan Islam seperti NU dan Muhammadiyah menjadi benteng pertama mempertahankan hak asasi masyarakat bukan Islam dan minoriti Islam yang bukan daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Kepelbagaian ini menjadikan majoriti Islam Indonesia penyokong konsep wasatiyyah sebenar, manakala golongan konservatif adalah minoriti.

Dan ini semua dijayakan tanpa mengharap kuasa kerajaan menjadi “benteng aqidah”, kerana umat Islam itu diberi daya menjaga benteng akidah masing-masing.

Di kala pemimpin dan ulama di Malaysia asyik mengapi-apikan sentimen anti-Syiah dan anti-Kristian, masyarakat Islam Malaysia diharapkan dapat belajar sesuatu daripada mesej “Ulama Perempuan”.

“Tujuan agama diturunkan kepada manusia adalah untuk menyelesaikan masalah,” kata Norhayati ketika menjelaskan fungsi ulama di dalam masyarakat.

Tetapi apabila ulama gagal mendalami masalah masyarakat atau tidak mahu mendengar perspektif lain, sebaliknya ulama boleh membesarkan masalah.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/selepas-ulama-lelaki-gagal-ulama-wanita-harapan-baru-dunia-islam>